



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 22 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MISI MAFI PRIHATIN RINGANKAN BEBAN PENDUDUK TERKESAN BANJIR DI PAHANG, ONLINE, UTUSAN BORNEO MAFI LANCAR MISI BANTUAN KE PAHANG, MUSIM TENGGUJUH DI MALAYSIA, SH - 9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5. 6.	112 PESAWAH RUGI DISERANG BENA PERANG, NEGARA, KOSMO -15 BENA PERANG SERANG 'REZEKI' 112 PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -29 PESAWAH 3 KAMPUNG RUGI PADI DISERANG 'BOM', DALAM NEGERI, UM -29 BENA PERANG SERANG 79 HEKTAR SAWAH, LOKAL, HM -23	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
7. 8. 9.	3.4 TAN BAWANG MERAH TIADA SIJIL 3P, LOKAL, HM -21 MAQIS PATAHKAN CUBAAN BAWA MASUK BIJI-BIJIAN DARI MEXICO, NEGERI, SH - 27 MAQIS SITA 36 TAN PALET KAYU PINE DARI CHINA, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
10. 11.	79 PEKEBUN NANAS RUGI RM2.9 JUTA, NEGARA, KOSMO -15 79 PEKEBUN NANAS RUGI RM2.9 JUTA, MUSIM TENGGUJUH DI MALAYSIA., SH -8	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
12. 13. 14. 15. 16. 17.	100 SET BUBU NAGA DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -14 APMM RAMPAS 100 SET BUBU NAGA, LOKAL, HM -6 MARITIM MALAYSIA RAMPAS 100 SET BUBU NAGA, NASIONAL, BH -20 TIDAK MENGAKU TERIMA RM100,000, NASIONAL, BH -18 BEKAS KETUA PENOLONG SETIAUSAHA MAFI DITUDUH LAGI RASUAH, NEGARA, KOSMO -13 BEKAS PEGAWAI MOA DITUDUH TERIMA SUAPAN, LOKAL, HM -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MISI MAFI PRIHATIN RINGKANKAN BEBAN PENDUDUK TERKESAN BANJIR DI PAHANG



PUTRAJAYA: Bagi meringankan beban penduduk yang terkesan banjir di negeri Pahang, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah melancarkan Misi MAFI Prihatin ke negeri tersebut.

Misi Bantuan MAFI Prihatin ini melibatkan penghantaran bantuan makanan, keperluan asas dan peralatan elektrik ke empat Parlimen di Pahang iaitu di Lipis, Jerantut, Kuala Krau dan Maran.

Pelaksanaan Misi MAFI Prihatin ini merupakan inisiatif Menteri MAFI, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yang turut melakukan pelepasan misi ini dari Wisma Tani yang bertolak ke Pahang.

Pada majlis yang sama, Kiandee turut menyampaikan replika cek sumbangan daripada Persatuan Kebangsaan Bagi Pengairan dan Saliran Malaysia (MANCID) kepada Ahli Parlimen Lipis Datuk Sri Abdul Rahman Mohamad, Ahli Parlimen Maran Datuk Seri Dr Ismail Abd Latif, Ahli Parlimen Kuala Krau Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said dan bagi Parlimen Jerantut diterima wakilnya Mahathir Latif.

Setiap Parlimen menerima sumbangan RM16,125 yang merupakan sumbangan luar yang disalurkan kepada MANCID untuk bencana banjir.

Hadir sama pada sesi pelepasan ini adalah Timbalan Menteri MAFI 1 Datuk Sri Ahmad Hamzah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI Dr Anis Mahmud.

Bantuan Banjir MAFI Prihatin merupakan hasil sumbangan dan tanggungjawab sosial pelbagai Jabatan dan Agensi di bawah MAFI antaranya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Selain produk makanan, turut disampaikan juga tajaan beras oleh pihak Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

Bantuan lain pula berupa barangan peralatan elektrik dan kelengkapan asas bagi membantu meringankan beban penduduk di kawasan yang terjejas banjir terutamanya kumpulan sasar MAFI iaitu petani, penternak dan nelayan yang akan diserahkan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang terlibat.

Pada masa sama, Misi MAFI Prihatin ini akan diteruskan ke negeri-negeri yang terjejas banjir bagi meringankan beban mangsa banjir.

Pada awal bulan lalu, MAFI menerusi jabatan serta agensinya telah menyerahkan Kit Makanan Permulaan (KMP) untuk mangsa dan warga MAFI yang terjejas banjir di Johor dan Pahang. Selain itu, sebanyak 32,000 unit KMP juga telah diedarkan kepada Angkatan Pertahanan Awam di peringkat negeri dan daerah terutamanya di Pahang, Johor, Kelantan, Terengganu dan Sabah.

MAFI lancar misi bantuan ke Pahang

Bantu kumpulan sasaran di empat Parlimen yang terjejas akibat banjir

Oleh: TUAN BUQHARAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi agensi di bawahnya melancarkan Misi Prihatin ke empat kawasan Parlimen di Pahang yang terjejas akibat banjir.

Pelepasan misi bantuan yang mematuhi prosedur operasi standard (SOP) itu disempurnakan Menteri, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee di Wisma Tani di sini pada Khamis.

Menerusi kenyataannya, MAFI berkata, misi berkenaan membawa makanan, keperluan asas dan barangan

peralatan elektrik dan kelengkapan asas untuk kumpulan sasaran iaitu petani, penernak dan nelayan yang akan diseraikan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

"Misi Bantuan MAFI Prihatin ini melibatkan penghantaran bantuan ke Lipis, Jerantut, Kuala Krau dan Maran," kata kenyataan itu.

Menurutnya, pada majlis pelepasan berkenaan, Ronald turut menyampaikan replika cek sumbangan daripada Pertubuhan Kebangsaan Bagi Pengairan dan Saliran Malaysia (MANCID) kepada Ahli Parlimen Lipis, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad; Ahli Parlimen Maran, Datuk Seri Dr Ismail Abd Latif; Ahli Parlimen Kuala Krau, Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said dan bagi Parlimen Jerantut diterima wakilnya, Mahathir Latif.

"Setiap Parlimen menerima sumbangan RM16,125 yang merupakan sumbangan luar yang disalurkan kepada MANCID untuk bencana banjir," katanya.

Hadir sama pada majlis itu ialah



MAFI menerusi agensi di bawahnya melancarkan Misi MAFI Prihatin ke empat kawasan Parlimen di Pahang yang terjejas akibat banjir pada Khamis.

Timbalan Menteri MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Dr Anis Mahmud.

Misi Bantuan MAFI Prihatin merupakan hasil sumbangan dan tanggungjawab sosial pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI antaranya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

(FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Selain produk makanan, turut disampaikan juga tajaan beras oleh pihak Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2021	KOSMO	NEGARA	15



SABRAN menunjukkan padinya yang rosak akibat diserang serangga sejak dua minggu lalu di Parit Mentara 3, Bagan Serai semalam.

112 pesawah rugi diserang bena perang

BAGAN SERAI – Seramai 112 orang pesawah rugi kira-kira RM24,000 selepas padi yang diusahakan mereka di atas tanah seluas 14 hektar diserang serangga perosak bena perang.

Kerugian itu melibatkan pesawah di Kampung Parit Haji Ali, Kampung Parit Mentara 3 dan sekitar kampung Alor Pongsu di sini.

Seorang pesawah, Sabran Muhammad Saaid, 42, berkata, dia mula menyedari padi yang ditanam seluas 1.6 hektar rosak sejak dua minggu lalu.

“Petak sawah diserang serangga ini apabila pokok padi kelihatan bertompok merah.

“Pelbagai usaha dilakukan termasuk mencuba beberapa jenis racun untuk menghapuskan bena perang, namun gagal,” katanya di sini semalam.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, pihaknya telah membuat kaedah pendebuan dan semburan asap bagi mencegah bena perang dari merebak.

“Penyakit bena perang muncul melalui angin dan serangan itu menyebabkan sawah padi menjadi hangus dan bertompok merah serta padi tidak berisi,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29



RAZMAN Zakaria (dua dari kiri) melihat padi yang rosak akibat serangan bena perang di Alor Pongsu, Bagan Serai, Perak. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

Bena perang serang 'rezeki' 112 pesawah

Oleh **WAT KAMAL ABAS**
 utusannews@mediamulia.com.my

BAGAN SERAI: Pendapatan 112 pesawah di tiga buah kampung di sini terjejas teruk selepas sawah padi seluas 79 hektar diusahakan mereka rosak akibat serangan penyakit bena perang.

Ini melibatkan Kampung Parit Haji Ali, Kampung Parit Mentara 3 dan Sekitar Kampung di Alor Pongsu, pesawah mengalami kerugian sebanyak RM24,000.

Seorang pesawah, **Sabran Muhammad Saaid**, 42, berkata, musim ini petak sawah yang diusahakan seluas 1.6 hektar terjejas berikutan serangan bena perang.

Katanya, dia mula menyedari petak sawahnya diserang serangga itu dua minggu lalu

apabila pokok padinya kelihatan bertompok-tompok merah.

"Pelbagai usaha dilakukan termasuk mencuba bermacam-macam jenis racun untuk menghapuskan bena perang namun tiada kesan," katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Seorang lagi pesawah, **Maa-had Saari**, 58, berkata, serangan bena perang menyebabkan pemotongan harga padi yang tinggi musim ini oleh pengilang.

"Pemotongan harga padi yang tinggi pastinya menjejaskan pendapatan kami," katanya.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri, **Razman Zakaria** berkata, serangan bena perang mengakibatkan 10 hingga 20 peratus dari

79 hektar sawah padi terjejas.

Menurutnya, pihak yang berkenaan telah menggerakkan usaha membantu pesawah terlibat bagi membuat kaedah pendebuan dan semburan asap untuk mencegah bena perang merebak ke kawasan lain.

"Penyakit bena perang ini muncul melalui angin dan serangganya menyebabkan sawah padi menjadi hangus dan bertompok merah serta padi tidak berisi," katanya ketika meninjau kawasan sawah yang terjejas serangan bena perang di Parit Haji Ali.

Pengarah Jabatan Pertanian Perak, **Norsiyenti Othman** pula berkata, pihaknya memasang perangkap jaring dan lampu bagi mengesan kehadiran bena perang.

22/1/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

29

Pesawah 3 kampung rugi padi diserang 'bom'



Razman (tengah) serta Ridhuan (kiri) melihat padi yang terbakar akibat serangan bena perang di Kampung Parit Mentera 3, Bagan Serai, semalam.
(Foto BERNAMA)

Bagan Serai: Seramai 112 pesawah dari tiga kampung di sini, mendakwa kerugian apabila sawah seluas 79 hektar yang diusahakan di Parit Mentera, Parit Haji Ali dan Alor Pongsu, mula diserang 'bom' atau bena perang.

Pesawah, Sabran Muhammad Saaid, 42, berkata dia yang menguruskan 1.6 hektar sawah di Parit Mentera, menyedari serangan serangga itu kira-kira dua minggu lalu ketika padi berusia 80 hari.

Katanya, pelbagai jenis racun sudah digunakan, namun masih tidak dapat mengawal serangan serangga itu.

"Jenuh (penat) dah kami mesawah di sini, esok mai serang tempat lain pula.

"Sekiranya serangan serangga ini berterusan dan tidak dapat dikawal, pesawah akan terus mengalami kerugian yang lebih be-

sar selain berdepan pemotongan padi yang tinggi dari pengilang.

"Justeru, pesawah amat mengharapkan bantuan kerajaan dan jika boleh segera masukkan serangkaian 'bom' ini dalam bantuan bencana bagi membolehkan pesawah bernafas sedikit," katanya ditemui media di sawahnya di Parit Mentera 3, di sini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Industri Makanan, Razman Zakaria; Pengarah Pertanian Negeri Perak, Norsiyenti Othman dan Pegawai Pertanian Kerian, Ridhuan Othman.

Dalam pada itu, Razman berkata, hasil banciaan dan pemantauan pihaknya melalui agensi berkaitan seperti Jabatan Pertanian dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (LADA) Kerian, mendapati seluas 79 hektar sawah di Bagan Serai diserang bena perang dan beberapa lagi

jenis penyakit seperti pianggang dan bakteria hawar seludang.

Bagaimanapun, daripada jumlah itu, pihaknya menganggarkan hanya 10 hingga 20 peratus tanaman padi yang diserang penyakit, musnah manakala selebihnya masih dapat diselamatkan.

"Daripada jumlah itu, kita menganggarkan kerugian yang dialami pesawah di sini adalah sekitar RM24,000 berikutan tidak semua petak sawah musnah diserang bena perang ini.

"Buat masa ini, pihak pertanian sudah menggerakkan pasukan untuk membantu pesawah bagi tujuan kawalan melalui kaedah pendebuan dan asap bagi mencegah penyakit ini merebak," katanya.

Razman menegaskan cadangan memasukkan serangan bena perang ke dalam bantuan bencana sedang diperhalusi pada peringkat atasan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2021	HARIAN METRO	LOKAL	21

3.4 tan bawang merah tiada Sijil 3P

Padang Besar: Ketiadaan Sijil 3P Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyebabkan 3.4 tan bawang merah kecil dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Negeri Perlis, Selasa lalu.

Pengarahnya, Mohamad Arshad Raffin berkata, ia dirampas di Unit Kargo Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar.

“Pada kejadian jam 5 petang, kami meminta pemandu lori yang membawa

bawang merah itu dari Thailand untuk mengemukakan Sijil 3P namun dia gagal berbuat demikian.

“Akibatnya, bawang merah kecil bernilai lebih RM27,000 itu dirampas,” katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.



BAWANG merah kecil yang dirampas Maqis di ICQS Padang Besar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2021	SINAR HARIAN	NEGERI	27

Maqis patahkan cubaan bawa masuk biji-bijian dari Mexico

JOHOR BAHRU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor mematahkan cubaan membawa masuk biji-bijian dari Mexico melalui Singapura di Kompleks Imigrasen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini pada

Rabu.

Pengarahnya, Nur Afifah A Rahman berkata, biji-bijian seberat 2,721 kilogram yang dianggarkan bernilai RM38,000 ditemui selepas pemeriksaan dilakukan ke atas sebuah lori di laluan eksport BSI pada jam 5.30 petang.

Katanya, bijian itu juga

tidak memenuhi dos rawatan yang telah ditetapkan seperti yang diperuntukkan dalam syarat permit import Maqis.

“Susulan itu pemandu lori berkenaan yang berusia 39 tahun disiasat sebelum dilepaskan,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Kes itu katanya, akan di-

siasat di bawah Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Nur Afifah memberitahu, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya.



ANTARA palet kayu pine dari China yang dirampas Maqis di NBCT, Seberang Perai kelmarin.

Maqis sita 36 tan palet kayu pine dari China

SEBERANG PERAI – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas kira-kira 32 tan palet kayu pine di dalam dua buah kontena semasa pemeriksaan di Terminal Kontena Buttworth Utara (NBCT) di sini kelmarin.

Produk dari China itu ditemui semasa anggota Maqis membuat pemeriksaan kira-kira pukul 5 petang.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, pihaknya menggagalkan usaha mem-

bawa masuk produk kayu berkenaan selepas mendapati ia tidak mempunyai permit import yang sah.

“Kita telah menahan dua kontena yang membawa muatan spesies kayu pine seberat 36,000 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM63,378.79.

“Siasatan mendapati kayu tersebut di dalam 3,600 paket 10kg setiap satu diimport untuk kegunaan haiwan peliharaan seperti kucing dan anjing,” katanya dalam kenyataan semalam.

22/1/2021

KOSMO

NEGARA

15

79 pekebun nanas rugi RM2.9 juta

JOHOR BAHRU - Seramai 79 pekebun nanas menanggung kerugian berjumlah kira-kira RM2.9 juta apabila tanaman mereka di atas tanah seluas 62.55 hektar rosak akibat banjir awal tahun ini.

Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Dr. Sahrudin Jamal berkata, kawasan terjejas ini melibatkan 20 daerah dari enam negeri dengan Pahang mencatatkan kerugian tertinggi iaitu RM2 juta, diikuti Johor (RM760,000), Terengganu, Kelantan, Perak dan Selangor.

"Laporan kerugian telah dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi tujuan permohonan bantuan bawah Tabung Bencana Pertanian.

"Tabung ini menyediakan peruntukan sebanyak RM80 juta dan jumlah yang kita mohon khusus untuk membantu pekebun kecil sebanyak RM2.9 juta," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat LPNM, di sini semalam.

Tambahnya, pihaknya berharap bantuan itu dapat membantu pekebun kecil yang terjejas untuk memulihkan tanaman mereka bagi memenuhi permintaan pasaran sama ada tem-



SEBAHAGIAN tanaman nanas yang rosak akibat banjir awal tahun ini di Pekan Nanas Pontian, Johor.

patan mahupun antarabangsa.

Katanya, Malaysia mengeksport produk nanas bernilai RM492 juta ke lebih 20 buah negara pada 2019, meningkat sebanyak 43 peratus berbanding RM343 juta pada 2018.

Antara yang dieksport termasuk buah nanas segar, nanas dalam tin, jus nanas dan lain-lain.

"Setakat ini, negara paling tinggi mengimport nanas Malaysia ialah Singapura, tetapi permintaan dari China semakin meningkat dan diikuti Jepun,

Arab Saudi serta Mesir.

"Setiap negara mempunyai permintaan melibatkan jenis buah nanas yang berbeza. Mengambil contoh, China sukakan nanas jenis MD2, manakala negara Timur Tengah pula mahukan nanas jenis N36," ujarnya.

Sementara itu, beliau turut memaklumkan pihaknya masih berunding bagi memuktamadkan kerjasama dengan platform e-dagang untuk memperluaskan lagi pasaran produk usahawan nanas tempatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2021	SINAR HARIAN	MUSIM TENGGUJUH DI MALAYSIA	8

79 pekebun nanas rugi RM2.9 juta

Tanaman nanas seluas 62.55 hektar di enam negeri terjejas akibat banjir

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Seramai 79 pekebun kecil nanas terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM2.9 juta setelah kawasan tanaman mereka seluas 62.55 hektar terjejas akibat banjir.

Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Dr Sahrudin Jamal berkata, kawasan tanaman itu melibatkan 20 daerah dan enam negeri dengan Pahang adalah negeri yang paling terjejas dengan nilai kerugian RM2 juta.

Menurutnya, ini diikuti Johor yang mengalami kerugian sebanyak RM760,000 dan lain-lain negeri seperti Terengganu, Kelantan, Perak dan Selangor.

“Laporan pekebun terjejas banjir ini telah kita kemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk tujuan permohonan bantuan yang ditentukan



FOTO: LPNM

Tanaman nanas yang rosak akibat banjir di Pekan, Pahang baru-baru ini. Gambar kecil: Dr Sahrudin.

di bawah Tabung Bencana Pertanian.

“Tabung ini mempunyai peruntukan sebanyak RM80 juta dan yang kita minta khusus untuk penanaman nanas adalah sebanyak RM2.9 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Ibu Pejabat LPNM di Wisma Nanas Johor Bahru di sini pada Khamis.

Dr Sahrudin berkata, dengan bantuan yang diberikan kelak, pihaknya berharap penanaman nanas dalam kalangan pekebun kecil terjejas akan pulih seperti sedia kala bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan antarabangsa yang kini sedikit terjejas akibat bencana banjir.

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak RM15.35 juta diperuntukkan pada tahun 2021 bagi pembangunan industri nanas negara yang merupakan sumber kekayaan baharu negara.

“Peruntukan terbabit merangkumi program pengembangan dan pembangunan tanaman bagi menyokong aktiviti pengeluaran dan pembangunan produk serta aktiviti industri makanan berasaskan nanas.

“Antara projek LPNM yang telah berjaya menarik minat golongan muda ialah Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) yang telah dibangunkan di Tanah Abah Mersing, Stesen Nanas Alor Bukit Bukit Pontian dan Stesen Nanas Sungai Tong Terengganu,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2021	HARIAN METRO	LOKAL	23

Bena perang serang 79 hektar sawah

Bagan Serai: Sejak dua minggu lalu, 112 pesawah yang mengusahakan sawah padi seluas 79 hektar di Parit Mentara, Parit Haji Ali dan Alor Pongsu di sini, 'keruk kepala' apabila tanaman masing-masing diserang serangga perosak tanaman padi dikenali sebagai 'bom' atau bena perang.

Pesawah, Sabran Muhammad Saaid, 42, yang mengusahakan kira-kira satu hektar sawah padi di Parit Mentara berkata, dia mula menyedari serangan serangga itu dua minggu lalu ketika padi berusia 80 hari.

"Saya guna pelbagai jenis racun namun masih gagal mengawal serangan bena perang. Jika petak sawah tertentu diracun, bena perang akan menyerang di petak sawah lain pula.

"Sekiranya serangan serangga ini berterusan dan tidak dapat dikawal, pesawah pasti mengalami kerugian lebih besar selain berdepan pematangan padi yang tinggi daripada pengilang.

"Kami harap kerajaan dapat membantu dan jika boleh, masukkan serangan bena perang ini dalam bantuan bencana bagi membo-



RAZMAN (dua dari kanan) bersama Ridhuan (kiri) melihat pokok padi yang rosak akibat serangan penyakit bena perang.

lehan pesawah bernafas," katanya ditemui di sawah padinya semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri Razman Zakaria, Pengarah Pertanian Negeri Perak Norsiyenti Othman dan Pegawai Pertanian Kerian Ridhuan Othman.

Sementara itu, Razman berkata, hasil bancian dan

pemantauan pihaknya melalui agensi berkaitan seperti Jabatan Pertanian dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian, seluas 79 hektar sawah padi di Bagan Serai diserang bena perang dan beberapa lagi perosak seperti pianggang dan bakteria hawar seludang.

"Daripada jumlah itu, kita menganggarkan kerugian yang dialami pesawah di si-

ni sekitar RM24,000 berikutan tidak semua petak sawah musnah diserang bena perang.

"Buat masa ini, pihak pertanian sudah mengerakkan pasukan untuk membantu pesawah bagi tujuan kawalan melalui kaedah pendebuan dan asap bagi mencegah penyakit ini merebak dan terus memusnahkan sawah padi," katanya.



PASUKAN APMIM merampas bubu naga di perairan Pulau Talang Segari dekat Lumut pada Selasa lalu.

100 set bubu naga dirampas

LUMUT - Maritim Malaysia (APMM) Perak merampas 100 set bubu naga di empat lokasi di antara 3.7 hingga 7.1 batu nautika barat laut Pulau Talang Segari dekat sini pada Selasa lalu.

Pengarahnya, Kepten Maritim Shahrizan Raman berkata, ketika rondaan Ops Benteng berhampiran Pulau Talang pukul 12.30 tengah malam, bot Benteng 6 dan Petir 80 mengesan beberapa pelampung di permukaan air yang mencurigakan.

Menurutnya, pemeriksaan

di lokasi pertama mendapati, pelampung itu adalah penanda kepada bubu naga yang dipasang oleh individu tidak bertanggungjawab.

"Seterusnya, kedua-dua bot tersebut memeriksa setiap pelampung di lokasi-lokasi lain dan mendapati, semuanya terdapat bubu-bubu naga dipasang di bawahnya," kata beliau dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Shahrizan, kesemua bubu naga itu dirampas dan dibawa ke Jeti Perikanan di Kam-

pung Aceh untuk tindakan lanjut.

Jelasnya, penggunaan bubu naga dilihat semakin berleluasa walaupun tindakan tegas dan larangan penggunaannya telah dikeluarkan.

"Penangkapan ikan atau hasil laut menggunakan bubu naga boleh mengancam pertumbuhan habitat marin dan berpotensi pupus," ujarnya.

Beliau berkata, kesemua bubu naga yang dirampas itu dianggarkan bernilai hampir RM12,000 dengan anggaran RM120 seunit.

APMM rampas 100 set bubu naga

Lumut: Seratus set bubu naga bernilai kira-kira RM12,000 dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di empat lokasi berbeza di sekitar perairan Segari di sini, Selasa lalu.

Pengarah APMM Perak Kapten Maritim Shahrizan Raman berkata, ia dirampas di kedudukan 3.7 hingga 7.1 batu nautika barat laut Pulau Talang, jam 12.30 tengah malam.

“Pada rondaan Op Benteng, kami mengesan beberapa pelampung di permukaan yang mencurigakan. Pemeriksaan mendapati, pelampung itu adalah penanda ke-pada bubu yang dipasang individu tidak bertanggungjawab.

“Pemeriksaan lanjut mendapati ada ba-

nyak bubu naga dipasang di bawah pelampung terbabit,” katanya pada kenyataan semalam.

Menurut Shahrizan, setiap bubu naga itu berharga kira-kira RM100 dan aktiviti perikanan menggunakannya boleh mengancam pertumbuhan habitat marin.

Kes disiasat mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

“Komuniti maritim yang mempunyai maklumat berkaitan kegiatan terbabit boleh menghubungi Pusat Operasi Maritim Negeri Perak di talian 05-6838737,” katanya.

Maritim Malaysia rampas 100 set bubu naga

Lumut: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) merampas 100 set bubu naga hasil pemeriksaan di empat lokasi perairan Segari di sini, Selasa lalu.

Pengarah Maritim Malaysia Perak, Kepten Maritim Shahrizan Raman, berkata peralatan itu dirampas pada kedudukan 3.7 hingga 7.1 batu nautika barat laut Pulau Talang pada jam 12.30 tengah malam.

Beliau berkata, anggota bot Benteng 6 dan Petir 80 pasukan itu mengesan bubu naga berkenaan ketika menjalankan rondaan Op Benteng.

"Anggota mengesan beberapa pelampung di permukaan laut yang mencurigakan sebelum pemeriksaan mendapati, ia adalah penanda bubu yang dipasang individu tidak bertanggungjawab.

"Hasil pemeriksaan setiap pelampung yang ditemui ketika rondaan mendapati di bawahnya dipasang bubu naga," katanya di sini, semalam.

Shahrizan berkata, semua bubu itu dirampas dan dibawa ke Jeti Perikanan Kampung Acheh untuk tindakan lanjut mengikut Akta Perikanan 1985.

"Rampasan bernilai RM12,000 dengan setiap unit bubu naga

dianggarkan berharga RM120.

"Pemilik bubu naga boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan," katanya.

Beliau berkata, penggunaan bubu naga didapati masih berleluasa, walaupun tindakan tegas dan larangan penggunaannya sudah dikeluarkan.

Katanya, aktiviti perikanan menggunakan bubu naga boleh mengancam pertumbuhan dan kepupusan habitat marin.



Anggota penguat kuasa Maritim Malaysia menenut bubu naga di perairan Segari, Lumut kelmarin.
(Foto ihsan APMM)



Bubu naga yang dirampas anggota penguat kuasa Maritim Malaysia di perairan Segari, Lumut kelmarin.

Kes rasuah tender baja

Tidak mengaku terima RM100,000

Bekas ketua penolong setiausaha kanan MOA hadapi dua pertuduhan

Shah Alam: Seorang bekas ketua penolong setiausaha kanan sebuah kementerian mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesi pertuduhan menerima suapan RM100,000, berhubung pemberian tender pembekalan dan penghantaran baja bio kepada sebuah syarikat, tahun lalu.

Shahrulzaman Jaafar, 43, yang ketika kejadian adalah pegawai di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan

Hakim Rihaida Rafie. Mengikut pertuduhan pertama, dia yang kini digantung kerja didakwa menerima suapan wang tunai RM70,000 daripada Hazrul Hisyam Hassan, 46, la sebagai upah membantu lelaki itu mendapatkan tender membekal dan menghantar baja bio dengan mikrob tempatan bermanfaat di bawah Skim Insentif Pengeluaran, kepada syarikat KIK Resources Sdn Bhd berjumlah RM37,476,572.55 di tepi jalan berdekatan Hospital Serdang antara jam 11 pagi hingga 12 tengah hari pada 12 Mei 2020.

Bagi pertuduhan kedua, Shahrulzaman didakwa menerima suapan RM30,000 daripada individu sama di hadapan sebuah pasar mini di Taman D'Alpinia, Puchong antara jam 1 hingga 2 petang pada 21 September 2020, sebagai upah membantu lelaki itu mendapatkan tender sama.

Semua kesalahan itu didakwa



Shahrulzaman (kiri) hadir di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Zander Lim Wai Keong menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin. Tertuduh yang diwakili peguam Azizul Shariman Mat Yu-

soff bersetuju dengan jumlah jaminan yang ditawarkan penadakwa raya.

Rihaida membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin, bagi kedua-dua pertuduhan dan menetapkan 27 Januari ini untuk sebutan semula kes.

Pada 12 Januari lalu, Shahrulzaman mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan menuntia dan menerima rasuah berhubung pemberian tender sama, di Mahkamah Kuala Lumpur.

BERNAMA

Bekas Ketua Penolong Setiausaha MAFI dituduh lagi rasuah

SHAH ALAM – Seorang bekas Ketua Penolong Setiausaha Kanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dihadapkan sekali lagi di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua pertuduhan menerima suapan keseluruhan RM100,000 bagi tender pembekalan dan penghantaran baja, tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Shahrulzaman Jaafar, 43, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rihaida Rafie.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, dia didakwa menerima suapan keseluruhan RM100,000 daripada seorang lelaki berusia 46 tahun.

Ia sebagai upah membantu mendapatkan tender membekal dan menghantar baja bio dengan mikrob tempatan bermanfaat di bawah Skim Insentif Pengeluaran kepada syarikat KIIK Resources Sdn. Bhd. berjumlah RM374 juta.

Perbuatan itu dilakukan di tepi jalan berhampiran Hospital Serdang dan berhadapan sebuah pasar raya di Taman D'Alpinia, Puchong di antara pukul 11 pagi hingga 2 petang

pada 12 Mei dan 21 September tahun lalu.

Shahrulzaman melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama.

Sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Zander Lim Wai Keong menawarkan jaminan RM10,000 bersama seorang penjamin dengan peguam Azizul Shariman Mat Yusoff mewakili tertuduh tidak membantah perkara tersebut.

Mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan dan menetapkan 27 Januari depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Kosmo! pada 12 Januari lalu melaporkan Shahrulzaman didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tiga pertuduhan rasuah bernilai RM2.1 juta untuk tujuan sama pembekalan tender tersebut.



TERTUDUH (kanan) dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2021	HARIAN METRO	LOKAL	3

Bekas pegawai MOA dituduh terima suapan

Shah Alam: Seorang bekas pegawai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM100,000 berhubung pemberian tender pembekalan dan penghantaran baja bio kepada sebuah syarikat tahun lalu.

Tertuduh, Shahrulzaman Jaafar, 43, yang ketika kejadian adalah Ketua Penolong Setiausaha Kanan MOA mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Rihaida Rafie.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh yang kini digantung kerja didakwa menerima suapan wang tunai berjumlah RM70,000 daripada Hazrul

Hisyam Hassan, 46.

Ia sebagai upah membantu lelaki itu mendapatkan tender membekal dan menghantar baja bio dengan mikrob tempatan bermanfaat di bawah Skim Insentif Pengeluaran kepada syarikat KIIK Resources Sdn Bhd berjumlah RM37,478,572.55 di tepi jalan berdekatan Hospital Serdang pada 12 Mei 2020.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa menerima suapan berjumlah RM30,000 daripada individu sama di hadapan sebuah pasar mini di Taman D'Alpinia, Puchong pada 21 September 2020 sebagai upah membantu lelaki itu mendapatkan tender sama.

Mahkamah menetapkan 27 Januari untuk sebutan semula kes. - Bernama